

Headline	TNB perjelas caj elektrik naik kerana El Nino		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	22 Apr 2016	Readership	837,000
Circulation	279,000	Page No	2
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	131 cm ²		
PR Value	RM 5,748		



TNB perjelas caj elektrik naik kerana El Nino

SHAH ALAM - Baru-baru ini, kecoh di laman sosial tentang keluhan netizen berikutan caj elektrik yang naik secara mendadak berbanding kadar penggunaan biasa.

Rata-rata netizen meluahkan rasa tidak puas hati dengan kenaikan itu melalui laman Facebook Tenaga Nasional Berhad (TNB) Careline.

Pihak TNB melalui

Facebook, TNB Careline menjelaskan tiada sebarang kenaikan tarif, sebaliknya fenomena El Nino yang menyebabkan bil elektrik meningkat.

Dalam satu status di Facebook TNB Careline semalam merujuk kepada aduan pengguna di media sosial, pihak TNB menjelaskan cuaca panas terik dan kering berpanjangan mempengaruhi

tabiat penggunaan elektrik khususnya pendingin hawa.

Ini kerana, pengguna pendingin hawa lebih cenderung menurunkan suhu pada tahap lebih rendah, meningkatkan kelajuan kipas pendingin hawa dan menggunakan pada tempoh yang lebih lama.

Malah, menurut pihak TNB, penggunaan elektrik juga boleh meningkat bagi

peralatan lama yang tidak diselenggarakan dengan baik.

Kesemua faktor ini akan meningkatkan penggunaan elektrik secara mendadak serta memberi kesan ke atas bil elektrik pengguna.

Namun, pihak TNB menganjurkan pengguna hubungi pejabat TNB berhampiran jika mendapati kenaikan bil bukan disebabkan faktor dinyatakan.

Headline	TNB perjelas caj elektrik naik kerana El Nino		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	22 Apr 2016	Readership	837,000
Circulation	279,000	Page No	2
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	131 cm ²		
PR Value	RM 5,748		

 TNB Careline
1 m. 0

Kami merujuk kepada aduan pengguna di media sosial mengenai bil elektrik tinggi kebelakangan ini.
Kebiasaan cuaca panas terik dan kering yang berpanjangan mempengaruhi tabah penggunaan peralatan elektrik khususnya pendingin hawa, yang secara relatifnya menggunakan lebih banyak elektrik berbanding peralatan elektrik yang lain.
Pengguna pendingin hawa lebih cenderung:
 a- merurunkan suhu pada tanpa lebih rendah
 b- meningkatkan ketajuan kapas pendingin hawa
 c- menggunakan pendingin hawa untuk tempoh yang lebih lama
Untuk makuman, penggunaan elektrik juga boleh meningkat bagi peralatan lama yang tidak dilengkapi dengan haw.
Kesemuanya ini akan meningkatkan penggunaan elektrik secara mendadak serta memberi kesan ke atas bil elektrik pengguna.
Pengguna yang mendapati sifinya merangkak bukan ditebatkan faktor-faktor di atas, diminta untuk menghubungi pejabat TNB yang berhampiran.

 Like  Comment  Share

Status Facebook TNB Careline merujuk aduan pengguna mengenai bil elektrik naik mendadak.